

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**  
**[ GERIK ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan dengan kekayaan flora, fauna dan kesan peninggalan sejarah di daerah Kuala Kangsar dan Hulu Perak :-**

- (a) adakah Kementerian bercadang menubuhkan Lembaga Pelancongan melibatkan Parlimen iaitu Sungai Siput, Kuala Kangsar, Padang Rengas, Lenggong serta Gerik bagi memperkasa bidang pelancongan di kedua-dua daerah ini; dan
- (b) sekiranya ditubuhkan Lembaga Pelancongan kedua-dua daerah ini, apakah usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan tidak bercadang untuk menubuhkan Lembaga Pelancongan melibatkan perlimen di Negeri Perak. Ini kerana kementerian telah mempunyai Lembaga Penggalakkan Pelancongan (Tourism Malaysia) di setiap negeri termasuk negeri Perak. Badan/organisasi yang bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan, mengawal selia dan mempromosikan industri pelancongan di negeri Perak adalah:

- (i) Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Perak (Kerajaan Persekutuan);
- (ii) Pejabat Tourism Malaysia Negeri Perak (Kerajaan Persekutuan);
- (iii) Tourism Perak Management Berhad (Agensi Kerajaan Negeri); dan
- (iv) Destination Perak (Agensi Kerajaan Negeri).

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mempunyai kerjasama yang erat antara agensi Kerajaan Persekutuan, agensi Negeri dan serta pihak NGO di negeri Perak. Hasilnya, pelbagai acara menarik bersifat acara tahunan telah berjaya diadakan di setiap daerah seperti Pesta Makanan Tradisional Lenggong, Badang Malaysia, Pesta Songkran, Program Kelestarian Warisan Alam, Lenggong Archeology Mountain Bike Trail, Pesta Permainan Tradisional Kanak-kanak Lenggong dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.